MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# LAPORAN TAHUNAN

# 2022



# ISI KANDUNGAN

## PENGENALAN


Perutusan Yang Dipertua ........ 01
Sejarah Penubuhan MDPT ........ 02
Visi, Misi, & Objektif ........ 03
Latar Belakang ........ 04
Kawasan Pentadbiran MDPT ........ 05
Maklumat Asas ........ 06
Senarai Ahli Majlis Daerah Perak Tengah ........ 07 - 08
Carta Organisasi ........ 09 - 10
Barisan Kepimpinan MDPT ........ 11


## LAPORAN JABATAN


Jabatan Khidmat Pengurusan ........ 12 - 13
Unit Teknologi Maklumat ........ 14 - 18
Jabatan Perbendaharaan ........ 19 - 20
Jabatan Perancangan Pembangunan ........ 21
Jabatan Kejuruteraan & Unit Bangunan ........ 22
Jabatan Peniliaan & Pengurusan Harta ........ 23
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan Awam ........ 24 - 25
Unit Pusat Setempat (OSC) ........ 26 - 31
Unit Perkhidmatan Awam & Hal Ehwal Komuniti ........ 32 - 33
Unit Undang - Undang ........ 34
Unit Penguatkuasa ........ 35 - 44

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Laporan

# TAHUNAN 2022

# PENGENALAN

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA

**TUAN MOHD SYUKRI BIN AZAARI**
**YANG DIPERTUA Majlis Daerah Perak Tengah**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua penerbitan Buku Laporan Tahunan 2023 Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) dapat direalisasikan. Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas komitmen tidak berbelah bagi yang telah diberikan oleh setiap warga kerja Majlis Daerah Perak Tengah dalam menjayakan pelbagai perancangan dan program untuk mencapai kejayaan demi kejayaan sehingga terhasilnya Buku Laporan Tahunan ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih terhadap semua petugas barisan hadapan Majlis Daerah Perak Tengah yang bertungkus-lumus dan bermandi keringat dalam usaha untuk menjayakan setiap perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan komitmen dan dedikasi seluruh warga MDPT. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga MDPT.

Laporan ini mengandungi rujukan bagi fungsi setiap jabatan, pencapaian prestasi, rangkuman aktiviti, kemajuan pembangunan serta perancangan masa depan sejajar dengan visi Majlis Daerah Perak Tengah untuk menjadi Peneraju kearah Kawasan Perbandaran Perak Tengah yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025. Akhir kata, saya amat berharap dan percaya agar prestasi cemerlang ini perlu diteruskan bersama dalam melangkah ke hadapan bagi memastikan MDPT ke arah prestasi yang kita mahukan dan dapat dikekalkan malah dijadikan pemangkin untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang.



**MOHD SYUKRI BIN AZAARI, AMP**
**Yang Dipertua**
**Majlis Daerah Perak Tengah**

# SEJARAH PENUBUHAN MDPT

## SEBELUM



### SEJARAH

Daerah Kecil Parit dalam Daerah Kuala Kangsar dan Kampong Gajah dalam Daerah Hilir Perak. Perak Tengah bersempadan dengan Daerah Kuala Kangsar di sebelah Utara, Daerah Kinta di sebelah selatan, Daerah Hilir Perak di sebelah timur dan Daerah Manjung di sebelah barat.

**1979**



### KELUASAN

Meliputi kawasan seluas kira-kira 127,946 hektar (1,279.46 km persegi) yang merangkumi 11 buah mukim iaitu :

1. Belanja
2. Layang-layang
3. Bota
4. Lambor
5. Pulau Tiga
6. Kampong Gajah
7. Pasir Panjang Ulu
8. Pasir Salak
9. Bandar
10. Kota Setia
11. Jaya Baru

## SELEPAS



### PENUBUHAN

Ditubuhkan pada 1 Disember, 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam perjumpaan Bil.936 bertarikh 20 November, 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula penguasapenguasa tempatan seluruh Malaysia.

**1979**



### KELUASAN

Kawasan yang menerima perkhidmatan / kawasan operasi Majlis Daerah Perak Tengah meliputi:

1. Parit
2. Simpang Tiga Buluh Akar
3. Tanjung Belanja
4. Bota
5. Seri Iskandar
6. Titi Gantung
7. Kampong Gajah
8. FELCRA Seberang Perak

# VISI, MISI, & OBJEKTIF

## VISI

Menjadi PBT terunggul berteraskan Perbandaran Bestari.

## MISI

- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efisyen dengan berteraskan kepada urus tadbir yang berintegriti.
- Mewujudkan Perbandaran dan Persekitaran yang dinamik, kondusif dan berdaya saing.
- Mempelbagai sumber hasil untuk memantapkan urustadbir dan perkhidmatan kepada masyarakat.

## OBJEKTIF

- Merealisasikan perbandaran beridentiti melalui jalinan kerjasama dan perkongsian pintar.
- Melaksanakan dan menguatkusa pembangunan mengikut polisi dan garis panduan yang ditetapkan.
- Memantapkan dan mengurus sumber hasil dalam mengoptimumkan pengurusan kewangan.
- Menambahbaik dan memperkukuhkan keupayaan organisasi untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
- Merancang dan melaksana perkhidmatan yang berkualiti, proaktif dan realistik ke arah persekitaran perbandaran yang harmoni.

# LATAR BELAKANG







## KELUASAN DAERAH PERAK TENGAH

**127,946 hektar.**

## PECAHAN MUKIM

**11 MUKIM**

# KAWASAN PENTADBIRAN MDPT




**KAWASAN KAWALAN**
**27,913 hektar**

**KAWASAN OPERASI**
**15,701 hektar**

1. Parit
2. Simpang Tiga Buluh Akar
3. Tanjung Belanja
4. Bota
5. Seri Iskandar
6. Titi Gantung
7. Kampong Gajah
8. FELCRA Seberang Perak

# MAKLUMAT ASAS



# SENARAI AHLI MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

























CLR. HAJI KHAIRUDDIN BIN MOHD KADRI
ZON 9
1. Pekan Parit
2. Padang Bola, Parit
3. Taman Parit Wira
4. Taman Seri Indah
5. Taman Melati
6. Pekan Tg. Blanja
012 575 3463


CLR. ZAITUN BINTI ISMAIL
ZON 10
1. Taman Seri Ara
2. Taman Seri Sayang
3. Taman Parit Jaya
4. Taman Parit Setia
5. Sadang Kem
6. Kg. Simpang Tiga
7. Kg. Buluh Akar
019 559 1713


CLR. ABDUL FATAH BIN AHMAD DOM
ZON 11
1. Taman Maju
2. Taman Iskandar Perdana 1 (Sek 5-8)
3.Taman Lestari IUS
013 581 1300


CLR. SHAMSUDDIN BIN YUSOF
ZON 12
1. Taman Felcra Jaya (Gen 2)
2. Taman Seri Cantik
3. Lot Banglo Kg Gajah
019 459 8753


CLR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN OTHMAN
ZON 13
1. RPA Kg. Makmur
2. Taman Bukit Tunggal
019 472 7259


CLR AHMAD TARMIZI BIN MOHD JAM
ZON 14
1. Taman Iskandar Bistari
2. Desa Seri Iskandar Fasa 1-3
3. SIBC
4. RPA Changkat Sodang
5. Desa Seri Iskandar Fasa 4
010 222 1914


CLR. NURAZLINA BINTI YA'ACOB
ZON 15
1. Taman Desa Makmur
2. Taman Desa KPMP
011 1440 7902

# CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH




AHLI MAJLIS
Unit Pusat Setempat J41
Unit Undang-Undang N29/32
Unit Perhubugan Awam & Hal Ehwal Awam Komuniti N29/32
Jabatan Perancangan Pembangunan (Ketua Jabatan) N41/44
Unit. Landskap
Unit. Pentadbiran Am
Jabatan Kesihatan Awam & Perkhidmatan Perbendaharaan (Ketua Jabatan) N41/44
Bhg. Perkhidmatan Bandar
Bhg. Perlesenan & Kesihatan Am
Unit. Pentadbiran Am
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (Ketua Jabatan) N41/44
Unit. Penilaian & Kadaran
Unit. Sewa
Unit. Pentadbiran Am

# BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

## PENGURUSAN ATASAN



**YANG DIPERTUA**
TUAN MOHD SYUKRI BIN AZAARI, AMP



**SETIAUSAHA**
ENCIK NOR AINURRIDHA BIN AHMAD MAJDI, AMP

## KETUA JABATAN



**KETUA JABATAN PERBENDAHARAAN**
NOR ALIA BINTI MUZAMUDDIN



**KETUA JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN & PENGUARKUASAAN**
MOHD HAZWAN BIN AHMAD DAMANHURI



**KETUA JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**
MOHD AZMI BIN ZAINUDDIN ZAINAL ABIDIN



**KETUA JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**
KAMARUL IZHAM BIN SAMSUDIN



**KETUA JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN**
**NIKMATUN YUSRO BINTI YANG RAZALI**

**KETUA JABATAN KEJURUTERAAN**
**KOSONG**

## KETUA UNIT



**KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT**
MUHAIMI BIN MOHAMED



**KETUA UNIT PERHUBUNGAN AWAM & HAL EHWAL KOMUNITI**
AZRUL NIZAM BIN MD RADZI, PPT



**KETUA UNIIT PENGUATKUASA**
IMADUDDIN BIN ARIF



**KETUA UNIT UNDANG-UNDANG**
NURUL FATIHAH BINTI BASRI



**KETUA UNIIT BANGUNAN**
PUAN SITI SAFIYYAH BINTI MOHD ISA



**KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**
MOHAMAD RAHIMI BIN HAMIZI

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN




## FUNGSI JABATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan merupakan teras pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah yang bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti di antara jabatan-jabatan dari segi pentadbiran dan perkhidmatan untuk mencapai objektif Majlis Daerah Perak Tengah. Antara tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut:-

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi :

- Menguruskan pengiktirafan pegawai menerusi Laporan Nilaian Prestasi (LNPT), Kenaikan pangkat dan pemangkuan serta urusan penganugerahan.
- Mengurus tatatertib dan pengisytiharan harta pegawai
- Menguruskan progam kualiti, program keutuhan dan integriti meningkatkan kompetensi dan keupayaan pegawai dan organisasi.
- Menguruskan hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan
- Menyelaras dan menguruskan rekod / data perjawatan Jabatan termasuk pengkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Personel berdasarkan pelaksanaan HRMIS oleh JPA.

### PENGURUSAN SISTEM HRMIS

Sistem Maklumat Sumber Manusia atau HRNIS telah dilaksanakan di MDPT mulai tahun 2010. Pada Tahun 2021, terdapat 6 modul yang telah dilaksanakan oleh MDPT dan pencapaian setiap modul adalah 100 peratus. Modul HRMIS yang telah dilaksanakan adalah Modul Data Perjawatan, Pengurusan Rekod Peribadi, Pengurusan Saraan Faedah dan Ganjaran (Cuti), Penamatan Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi, Perisytiharaan Harta, Profil Perkhidmatan, Pengurusan Perubatan dan Pengurusan Perhubungan Majikan dan Pekerja.

### BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Unit ini bertindak sebagai urus setia terhadap semua urusan Majlis. Ia berperanan di dalam menyelaras kerja-kerja yang berkaitan di antara Jabatan-Jabatan di dalam Majlis. Di antara tugas-tugas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Urus setia Mesyuarat Penuh Majlis dan Pengurusan.
- Pengurusan Sistem Fail
- Pengurusan Insuran Kenderaan, Harta Benda dan tanggungannya
- Menguruskan surat menyurat
- Pengurusan kemudahan dan peralatan kakitangan

Sehingga Disember 2022, jumlah warga kerja lantikan tetap, kontrak adalah mengikut pecahan kumpulan seperi berikut:

| GRED | JAWATAN | PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | | | | |
| **WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019** | | | | |
| **52 (T)** | YANG DIPERTUA (TERBUKA) | 1 | 1 | 0 |
| **N48** | SETIAUSAHA, PEGAWAI TADBIR | 1 | 1 | 0 |
| **N41/N44** | PEGAWAI TADBIR | 5 | 5 | 0 |
| | **JUMLAH KUMPULAN** | **7** | **7** | **0** |
| **PELAKSANA** | | | | |
| **WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019** | | | | |
| **JA36/JA38** | PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA | 1 | 0 | 1 |
| **JA29/30/JA36/JA38** | PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA | 3 | 3 | 0 |
| **JA29/JA36/JA38** | PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA | 2 | 2 | 0 |
| **FA29/FA32/FA38 (KUP)** | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19 | 1 | 1 | 0 |
| **JA29/30/JA36/JA38** | PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA | 2 | 2 | 0 |
| **U29/U32/U36** | PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN | 1 | 1 | 0 |
| **W29/W32/W36 (KUP)** | PENOLONG AKAUNTAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29 | 1 | 1 | 0 |
| **N29/N32/N36** | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | 4 | 4 | 0 |
| **W29/W32/W36 (KUP)** | PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, KUP, JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19 | 1 | 1 | 0 |
| **KP22/KP26** | PEMBANTU PENGUATKUASA | 1 | 1 | 0 |
| **N22/N26** | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) | 1 | 1 | 0 |
| **G19/G22/G26 (KUP)** | PEMBANTU PERTANIAN, JAWATAN JUMUD, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED JA29 | 1 | 1 | 0 |
| **KP19/KP22/KP26** | PEMBANTU PENGUATKUASA | 6 | 5 | 1 |
| **N19/N22/N26** | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) | 18 | 18 | 0 |
| **H14/H16** | PEMBANTU AWAM | 1 | 1 | 0 |
| **N11/N14/N16 (KUP)** | PENGHANTAR NOTIS, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU OPERASI, GRED N11 | 1 | 1 | 0 |
| **N11/N14/N16** | PEMBANTU OPERASI | 3 | 3 | 0 |
| **H11/H14/H16** | PEMANDU KENDERAAN | 12 | 12 | 0 |
| **H11/H14/H16** | PEMBANTU AWAM | 41 | 39 | 2 |
| | **JUMLAH KUMPULAN** | **101** | **97** | **4** |
| | **JUMLAH JABATAN** | **108** | **104** | **4** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **108** | **104** | **4** |

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT




# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat merupakan pusat Teknologi Maklumat di Majlis Daerah Perak Tengah. Unit ini menyelia, menyelaras, dan menyelenggara semua sistem komputer peribadi, pencetak, server, modem, router, hub, dan sebagainya.

## OBJEKTIF

- Menghubungkan jaringan komunikasi antara jabatan dalaam bangunan pentadbiran MDPT.
- Meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan lagi perkhidmatan MDPT kepada pelanggan.
- Memaksimakan perkongsian data antara Jabatan dalam MDPT yang dapat membantu mempercepatkan sesuatu keputusan itu dibuat.
- Menjadikan kakitangan MDPT yang 100% celik komputer dan menggunakan komputer dalam melaksanakan tugas harian.

## FUNGSI

- Menjaga dan mengawal server di MDPT dalam memastikan semua pangkalan data MDPT disimpan dalam keadaan terkawal dan selamat.
- Menyelenggara dan mengawalselia Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT) sepanjang masa.

**(i) Mengawalselia sistem-sistem berkomputer di MDPT.**

**(ii) Memastikan rangkaian internet dan capaian internet dapat beroperasi dengan sempurna.**

**(ii) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf (upgranding) peralatan ICT di mana 90% daripadanya adalah dirangkaikan dengan rangkaian internet.**

**(iv) Menguruskan hal ehwal pentadbiran seperti rekod fail, pendaftaran aset, inventori, dan surat-menyurat yang perlu dikemaskini.**

# AKTIVITI BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT

| BIL | KETERANGAN |
|---|---|
| 1 | Penyediaan perkakasan untuk mesyuarat secara atas talian. |
| 2 | Pembaharuan lesen antivirus Kyrol. |
| 3 | Perolehan Sistem Bayaran dan Semakan Bil Majlis secara atas talian. (https://ebilling.mdpt.gov.my/digitalPBT) |
| 4 | Perolehan perkakasan ICT 2023 |
| 5 | Pembaharuan lesen *Secure Sockets Layer* (SSL) |
| 6 | Pengurusan periklanan secara digital di LED Billboard MDPT. |
| 7 | Pengemaskini dan pengurusan media sosial dan portal MDPT |

## SISTEM MDPTPay

Sistem MDPTPay merupakan sistem semakan dan pembayaran seperti Cukai Taksiran, Lesen, Sewaan, Kompaun, Cagaran, dan lain-lain hasil Majlis dengan kewangan Majlis.



## LED BILLBOARD MDPT

Pihak Majlis Daerah Perak Tengah menyediakan perkhidmatan baru bagi periklanan yang berasaskan media elektronik. LED Billboard MDPT adalah salah satu tempat untuk periklanan secara dgital dimana iklan boleh dipaparkan melalui video, gambar dan gambar, lebih menarik untuk membuat promosi atau pengumuman secara digital dan mengurangkan kos tempahan bannerdan banting.




## KELEBIHAN LED BILLBOARD

**Sebilangan besar orang akan mengunjungi kedai/premis setelah iklan disiarkan dipaparkan skrin LED.**

**Sistem paparan interak yang berjaya berkomunikasi dengan penontin. Lebih ramai orang akan melihat iklan yang dipaparkan.**

**Mudah membuat perubahan dan mengekalkan iklan yang dipaparkan dengan hanya mengemaskini iklan mengikut trend pasaran yang berubah-ubah.**

**Penjimatan yang besar pada kos pengiklanan.**

# SISTEM LAIN YANG DIGUNA PAKAI

| | |
|---|---|
| 1 | **E-Banker -** Merupakan sistem pembayaran hasil Majlis melalui kaunter dan online di Bank Islam, Maybank, Bnak Simpanan Nasional, dan Bank akyat di seluruh Malaysia. |
| 2 | **E-Penyata ePBT -** Semakan akun taksiran, sewaan, pelesenan di portal MDPT. |
| 3 | **E-Pay -** Pembayaran cukai taksiran melalui telefon pintar. |
| 4 | **Wifi -** Internet Tanpa Wayar. |
| 5 | **MySMS -** Sistem Penghantaran dan Penerimaan SMS melalui portal MySMS. |
| 6 | **Facebook MDPT -** Mengemaskini maklumat aktiviti MDPT dan menjadi urusetia aduan melalui Facebook. |
| 7 | **Queue Management System -** Siatem Giliran dan Papan Maklumat Elektronik yang diletakkan di Kaunter Ekspress dan Kaunter Bayaran. |
| 8 | **eASET -** Sistem Pengurusan Daftar Aset dan Inventori MDPT yang dipantau oleh SUK Perak dan KPKT. |
| 9 | **Sistem Kutipan Luar -** Sistem Kutipan Hasil Majlis yang dilaksanakan di Pejabat Cawangan Kampong Gajah dan Parit. |
| 10 | **Lain-Lain Sistem -** HRMIS, SPEKS, dan TNB Pukal. |

## SISTEM LAIN YANG DIGUNA PAKAI

| | |
|---|---|
| 11 | **eRanting -** Sistem penilaian kepuasan pelanggan. |
| 12 | **MyMesyuarat -** Sistem pengurusan mesyuarat dan pemantauan keputusan mesyuarat secara dalam talian. |
| 13 | **eHadir -** Sistem pemantauan kehadiran kakitangan MDPT. |
| 14 | **eKompaun -** Sistem pengurusan pengeluaran kompaun dan notis. |
| 15 | **eProfile -** Sistem pengurusan maklumat dan pelaporan tahunan MDPT. |
| 16 | **SmartCITY -** Sistem pengurusan data bagi cukai taksiran, sewaan, pelesenan, MARRIS. |
| 17 | **Penilaian -** Sistem nilaian semula kadar cukai taksiran MDPT. |
| 18 | **JomPay -** Sistem pembayaran bagi cukai taksiran, sewaan, pelesenan, dan kompaun. |

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

# JABATAN PERBENDAHARAAN



# JABATAN PERBENDAHARAAN

## JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan adalah jabatan yang bertanggungjawab bagi segala urusan kewangan dan perakaunan Majlis Daerah Perak Tengah yang meliputi aspek kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan perakaunan.

Terdapat 4 bahagian di Jabatan Perbendaharaaniaitu:-
1. BahagianHasil
2. BahagianPembayaran
3. BahagianAkaun
4. BahagianAset

### OBJEKTIF

Menguruskan kewangan Majlis dan bertanggungjawab memastikan semua kutipan hasil dan perbelanjaan Majlis direkodkan serta dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Akta Acara Kewangan.

### FUNGSI

1. Menguruskan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan
2. Melaksanakan Sistem ePBT, Sistem eAset dan Sistem Pengurusan Stok
3. Menyelenggarakan akaun dan rekod dengan lengkap dan kemaskini bagi pengurusan kewangan dan tujuan pengauditan
4. melaksanakan kutipan hasil dan pembayaran serta mengakaunkan hasil dan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan dan perakaunan.
5. Menguruskan Penyediaan Penyata Kewangan Tahunan.
6. Menguruskan proses perolehan pembelian bekalan.
7. Menguruskan pengurusan aset dan inventori Majlis meliputi pendaftaran, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan.




## PENDAPATAN TAHUN 2022

**01** Hasil Cukai
**RM9,087,716**

**02** Hasil Bukan Cukai
**RM2,827,109**

**03** Terimaan Bukan Hasil
**RM1,868,707**

**RM13,783,595**

## PERBELANJAAN TAHUN 2022

**01** Emolumen
**RM5,416,200**

**02** Perkhidmatan & Bekalan
**RM5,855,334**

**03** Aset
**RM816,867**

**04** Pemberian & Kenaan bayaran Tetap
**RM486,084**

**05** Lain-lain
**RM158,320**

JUMLAH KESELURUHAN
**RM12,732,805**

Unit Letak Kereta adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan dan menguruskan tempat meletak kereta dalam kawasan Bandar Seri Iskandar, Majlis Daerah Perak Tengah.
TUJUAN

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) memberikuasa kepada Majlis Daerah Perak Tengah untuk mengutip bayaran dan mengendalikan tempat-tempat letak kereta di kawasannya bertujuan seperti berikut:

- Memastikan perkhidmatan letak kereta di Bandar Seri Iskandar tersusun dan memenuhi keperluan pelanggan
- Memudahkan orang ramai meletak kenderaan secara tersusun untuk mewujudkan keselesaan dan kemudahan orang ramai.
- Mewujudkan persekitaran Bandar Seri Iskandar yang tersusun, terancang melalui perkhidmatan letak kereta yang bersistematik, cekap dan efektif agar tidak mengganggu lalulintas.

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan
# TAHUNAN
# 2022

## JABATAN
## PERANCANGAN PEMBANGUNAN




# JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

## FUNGSI

1. Merancang dan melaksanakan pembangunan kawasan majlis dengan tumpuan kepada pembangunan yang berorentasikan kepada pemuliharaan alam sekitar dan mewujudkan masyarakat Bandar yang seimbang dan harmoni
2. Merancang dan melaksanakan pembangunan landskap yang cantik dan berkualiti bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat kearah mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih indah dan menarik
3. Memelihara kawasan landskap di dalam kawasan Majlis Daerah Perak Tengah supaya kelihatan indah, ceria dan selamat
4. Menanam pokok-pokok teduhan dan pokok renek bagi memastikan keindahan dan kecerian kawasan majlis Daerah Perak Tengah.
5. Kerja-kerja inventori pokok-pokok teduhan dan pokok renek.
6. Kerja-kerja persiapan landskap bagi peringkat Jabatan dan Daerah
7. Menerima dan menyelesaikan aduan awam berkaitan pokok teduhan yang perlu pemangkasan dan pokok tumbang
8. Memastikan landskap sedia ada dijaga dengan rapi seperti kerja-kerja pemangkasan pokok, membaja, menyiram dan menggembur untuk mewujudkan suasana landskap yang indah, bersih dan selamat.




# JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

## FUNGSI

1. Merancang dan melaksanakan pembangunan kawasan majlis dengan tumpuan kepada pembangunan yang berorentasikan kepada pemuliharaan alam sekitar dan mewujudkan masyarakat Bandar yang seimbang dan harmoni
2. Merancang dan melaksanakan pembangunan landskap yang cantik dan berkualiti bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat kearah mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih indah dan menarik
3. Memelihara kawasan landskap di dalam kawasan Majlis Daerah Perak Tengah supaya kelihatan indah, ceria dan selamat
4. Menanam pokok-pokok teduhan dan pokok renek bagi memastikan keindahan dan keceriaan kawasan majlis Daerah Perak Tengah.
5. Kerja-kerja inventori pokok-pokok teduhan dan pokok renek.
6. Kerja-kerja persiapan landskap bagi peringkat Jabatan dan Daerah
7. Menerima dan menyelesaikan aduan awam berkaitan pokok teduhan yang perlu pemangkasan dan pokok tumbang
8. Memastikan landskap sedia ada dijaga dengan rapi seperti kerja-kerja pemangkasan pokok, membaja, menyiram dan  menggembur untuk mewujudkan suasana landskap yang indah, bersih dan selamat.

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

# JABATAN KEJURUTERAAN & UNIT BANGUNAN



# JABATAN KEJURUTERAAN & UNIT BANGUNAN

## FUNGSI

- Memastikan semua pembangunan yang dilaksanakan mengikut Dasar-dasar Semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- Merancang dan melaksanakan semua projek pembangunan dikawasan Majlis untuk kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan. Diantara projek pembangunan yang dilaksanakan ialah:-
  a. Infrastruktur (Jalan, longkang, lampu jalan)
  b. Sosio-Ekonomi(Pasar, Gerai, Kompleks Niaga, Bengkel)
  c. Kemudahan Sosial (Stesyen bas, Kemudahan Rekreasi, Alat permainan)
- Melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan ke atas premis- premis milik Majlis serta Infrastruktur dan kelengkapan kemudahan awam.
- Mendaftar dan merekod semua jalan-jalan baru di kawasan Majlis untuk dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan peruntukan MARRIS (Geran Senggaraan Jalan).
- Memberi ulasan dan menyediakan laporan untuk kelulusan bagi permohonan Pelan Kerja tanah /Pelan Jalan dan Perparitan kepada Jabatan Pusat Setempat(OSC) Majlis Daerah Perak Tengah.

## UNIT BANGUNAN

Objektif utama Jabatan adalah untuk memastikan dan menyelaraskan semua bentuk pembangunan fizikal bagi kawasan-kawasan di dalam penguasaan Majlis Daerah Perak Tengah dan kawasan persekitaran yang mana di bawah kawalannya supaya:

i. Dibina secara teratur,
ii. Terancang dan seimbang menepati matlamat pembangunan Majlis,
iii. Mematuhi segala polisi Majlis
iv. Mematuhi Undang-Undang Kecil yang bersangkutan,
v. Mempunyai tahap keselamatan yang baik, selesa untuk didiami dan bersih
vi. Mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna dan berkualiti.

**JABATAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN**

**LAPORAN PRESTASI PROJEK BP.1,P07, ICU, UPEN & MARRIS LUAR KONSESI TAHUN 2022**

**MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH**

| PECAHAN PROJEK | JUMLAH PROJEK | PERUNTUKAN DILULUSKAN RM | KOS PROJEK RM | STATUS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | SIAP | DALAM PEMBINAAN |
| PROJEK BP1 TAHUN 2022 | 16 | 1,991,952.71 | 1,902,946.11 | 16 | 0 |
| PROJEK P07 TAHUN 2022 | 1 | 20,000.00 | 19,997.00 | 1 | 0 |
| PROJEK ICU TAHUN 2022 | 5 | 235,000.00 | 230,250.00 | 5 | 0 |
| PROJEK UPEN TAHUN 2022 | 1 | 100,000.00 | 97,500.00 | 1 | 0 |
| PROJEK MARRIS LUAR KONSESI TAHUN 202 | 16 | 500,000.00 | 470,424.29 | 16 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN:** | **39** | **2,846,952.71** | **2,721,117.40** | 39 | 0 |

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2023

# JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA




# JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

1. Menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas semua pegangan milik individu, swasta, kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi tujuan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK).
2. Memastikan bil-bil Cukai Taksiran dikeluarkan ke atas semua pegangan, mengeluarkan Notis E ke atas pegangan yang mempunyai tunggakan dan seterusnya mengeluarkan Waran F (sitaan) kepada pemilik / pembayar yang gagal menjelaskan notis tunggakan.
3. Menjalankan kerja-kerja Penilaian Semula bagi tujuan menyediakan suatu Senarai Nilaian yang baru dan dinilai selaras dengan Aras Nilaian Semasa (Tone of List).
4. Membuat Pindaan Senarai Nilaian bagi bangunan-bangunan baru / tambahan.
5. Menyediakan Kadar Taksiran Tahunan bagi tujuan Cukai Taksiran.
6. Membuat kajian atau siasatan ke atas kawasan yang berpotensi untuk dimasukkan dalam kawasan Majlis serta berusaha dalam menangani masalah yang berbangkit dalam menjalankan kerja-kerja di atas.
7. Memastikan harta-harta majlis/ aset tak alih dijaga dan diselenggara dengan baik serta memantau aktiviti perniagaan penyewa.
8. Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan keatas penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan sewaan melebihi 3 bulan.

## LAPORAN KUTIPAN TAHUN 2022

| | TUNGGAKAN | | | | PENGEBILAN DALAM TAHUN 2022 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BUTIRAN | TUNGGAKAN 01/01/2022 (RM) | KUTIPAN TUNGGAKAN 2022 (RM) | PERATUS KUTIPAN TUNGGAKAN (%) | BAKI TUNGGAKAN 2022 (RM) | BIL DALAM TAHUN 2022 (RM) | KUTIPAN SEMASA 2022 (RM) | BAKI KUTIPAN SEMASA 2022 (RM) | PERATUS KUTIPAN SEMASA (%) | JUMLAH BAKI KESELURUHAN 2022 (RM) |
| CUKAI TAKSIRAN AM | **4,540,841.82** | 1,582,782.73 | 34.86% | 2,958,059.09 | **4,891,090.25** | 3,527,923.44 | 1,363,166.81 | 72.13% | 4,321,225.90 |
| SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (PERSEKUTUAN) | TIADA | - | - | - | **251,721.65** | 251,721.65 | 0 | 100% | 0 |
| SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (PERSEKUTUAN ATM) | TIADA | - | - | - | **9,684.92** | 9,684.92 | 0 | 100% | 0 |
| SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (NEGERI) | TIADA | - | - | - | **81,151.00** | 81,151.00 | 0 | 100% | 0 |
| SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (BERKANUN) | **29,484.00** | 29,484,00 | 100% | 0 | **3,614,086.29** | 3,614,086.29 | 0 | 100% | 0 |

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

## JABATAN

# PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN AWAM



# JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN AWAM

## FUNGSI JABATAN

- **Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf penduduk dalam kawasan Majlis.**
- **Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.**
- **Menggalakkan dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.**
- **Mengindahkan kawasan Daerah Perak Tengah.**
- **Menggalakkan pertumbuhan, aspirasi dan perdagangan.**
- **Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.**
- Memastikan makanan yang dijual atau dihasilkan adalah bersih, selamat dan berkualiti.
- Mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selamat dan terancang.
- Menyedikan dan memberi perkidmatan yang cekap dan berkesan.
- Memastikan kawasan operasi MDPT terhindar dari segala pencemaran terutama aspek sisa pepejal, pembanggunan yang boleh menyebabkan kesihatan awam terancam.
- Mengawalselia prestasi syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

AKTIVITI KAWALAN HAIWAN MERAYAU




Rajah 1: Bilangan aduan, operasi dan jumlah tangkapan anjing terbiar bagi tahun 2022




Rajah 2: Status penggredan premis makanan

| PENGIKTIRAFAN PREMIS | PENARAFAN GRED | JULAT MARKAH | PEMERIKSAAN ULANGAN | |
|---|---|---|---|---|
| AMAT BERSIH | A | 86 – 100 | Selepas 2 tahun | Ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan |
| BERSIH | B | 71 – 85 | Selepas 1 tahun | |
| KURANG BERSIH | C | 51 – 70 | Selepas 6 bulan | |

**Nota: Premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah tindakan susulan akan diadakan yang boleh membawa kepada penutupan premis.*




| AKTIVITI | PENCAPAIAN TAHUN 2022 |
|---|---|
| PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU BERISIKO | 4 |
| PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU TIDAK BERISIKO | 148 |

Jadual 2: Pencapaian aktiviti pelesenan tahun 2022










AKTIVITI KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT

Pihak Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, MDPT sentiasa memberikan kerjasama yang erat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Perak Tengah dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan hidup warga sekitar di tahap yang maksima seiring dengan pembangunan infra, sosial, rohani dan ekonomi.






MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

## UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



# UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

## FUNGSI UNIT

1. **Peranan OSC adalah untuk memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di PBT.**
2. **Fungsi OSC adalah seperti berikut:**

**a. Memproses dan menyelaras permohonan**
- Kebenaran Merancang
- Pelan Bangunan
- Pelan Jalan & Parit
- Pelan Kerja Tanah
- Pecah Sempadan & Ubah Syarat ( Sek 124A KTN)
- Penyerahan Balik dan Beri Milikan Semula (Sek 204D KTN)

**b. Mengurusetia Permohonan Pelan Pemaju**
- Menerima dan menyemak permohonan
- Mengedar permohonan kepada agensi untuk diproses dan ulasan
- Memantau status permohonan
- Menyelaras permohonan bagi pertimbangan Jawatankuasa Pusat Setempat
- Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohonan dan agesi/jabatan

**c. Mengurusetia Jawatankuasa Pusat Setempat**
- Menyelaras agenda dan keperluan mesyuarat
- Menyediakan kertas perakuan permohonan pelan pemaju, kertas dasar, kertas pemakluman, dan lain-lain kertas berkaitan
- Menyelaras maklumbalas perkara-perkara berbangkit
- Menyediakan laporan status/rekod permohonan berdasarkan piagam pelanggan

**d. Menyelaras Pemantauan Status Pelaksanaan Pemajuan**
- Menerima dan mengedar Notifikasi Mula Keraja
- Menerima, mengedar, menyelaras Notifikasi Interim
- Menerima, mengedar, dan menyelaras Notifikasi Akhir
- Menerima dan mengedar pendepositan dokumen pematuhan dan penyiapan

**e. Menyelaras Prosedur Pelan Pemajuan**
- Memantau pelaksanaan prosedur mengikut ketetapan dasar dan garis panduan Persekutuan dan Negeri
- Menyelaras penyediaan kertas dasar bagi pertimbangan Jawatankuasa
- Menyelaras penambahbaikan prosedur secara berkala
- Merancang dan membuat hebahan pelaksanaan prosedur dan dasar-dasar Pelan Pemajuan




## LAPORAN PERMOHONAN

Jumlah permohonan yang diterima, di proses, dan disediakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

**Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Diselesaikan Daripada 01 JANUARI 2022 sehingga 31 DISEMBER 2022**

| Permohonan Serentak | Kebenaran Merancang | Pelan Kejuruteraan | Pelan Bangunan |
|---|---|---|---|
| 22 | 37 | 8 | 44 |
| **111** | | | |

*Sumber: Portal OSC https://portalosc.kpkt.gov.my*



**Peratusan Permohonan Yang Diterima Dan Diselesaikan Daripada 01 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022**




*Sumber : Portal OSC https://portalosc.kpkt.gov.my*

Bilangan permohonan dan selesai mengikut piagam dari 01 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

| Bilangan Mesyuarat | Jenis Permohonan | Bil Permohonan | Permohonan Selesai | Selesai Dalam Piagam | Selesai Melebihi Piagam |
|---|---|---|---|---|---|
| 24 Kali | Permohonan Serentak | 22 | 22 (100.00%) | 22 (100.00%) | 0 (00.00%) |
| | Kebenaran Merancang | 37 | 37 (100.00%) | 37 (100.00%) | 0 (00.00%) |
| | Pelan Kejuruteraan | 8 | 8 (100.00%) | 8 (100.00%) | 0 (00.00%) |
| | Pelan Bangunan | 44 | 44 (100.00%) | 44 (100.00%) | 0 (00.00%) |
| | **Jumlah** | **111** | **111 (100.00%)** | **111 (100.00%)** | **0 (00.00%)** |

*Sumber: Portal OSC https://portalosc.kpkt.gov.my*




# PENCAPAIAN OSC

## 1

Unit Pusat Setempat (OSC) MDPT telah berjaya mencapai 100% bagi permohonan selesai dalam tempoh piagam yang telah di tetapkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi tahun 2022.

## 2

Pada tahun 2022, Unit OSC juga telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat sebanyak 24 kali tanpa gagal.

## 3

Mesyuarat Jawatan Pusat Setempat (OSC) telah berjaya diadakan secara *"hybrid"* iaitu secara bersemuka dan atas talian *(online)* sepanjang tahun 2022 bagi memberi kemudahan kepada ahli mesyuarat untuk menyertai mesyuarat tanpa gagal serta menyahut saranan kerajaan iaitu bekerja dalam norma baharu.

## 4

Sepanjang tahun 2022, semua permohonan pembangunan telah diproses secara atas talian *(online)* sepenuhnya melalui sistem OSC Online 3.0 Plus.





# AKTIVITI OSC MDPT

- **Taklimat daripada Timbalan Pengarah (Pengurusan) PLAN Malaysia@ Kedah:**
  - Perancangan pembangunan di Negeri Kedah secara keseluruhan.
  - Projek Kedah Rubber City projek nasional yang berimpak tinggi.
- **Taklimat daripada Pegawai Perancang Bandar Majlis Perbandaran Kulim**
  - Permit pembinaan ekspress (E10).
- **Taklimat daripada Syarikat KXP Airport City**
  - Pembangunan Kulim International Airport.









**Lawatan Kerja Ahli Mesyarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Perak Tengah Ke PLANMalaysia@Kedah**








**Taklimat Penyelaran Senarai Semak OSC Online 3.0 Plus:**

- Penyelarasan senarai semak antara jabatan teknik dalam dan luaran supaya selaras dengan keperluan OSC Online 3.0 Plus.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil. 14/2022









**Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.14/2022 di Negeri Kedah**

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2022

# U N I T

# PERHUBUNGAN AWAM & HAL EHWAL KOMUNITI



# UNIT PERHUBUNGAN AWAM & HAL EHWAL KOMUNITI

## FUNGSI UNIT

1. Bertanggungjawab menerima, menyelaras pengurusan aduan jabatan.
2. Bertanggungjawab menguruskan Program Kualiti:
   - Anugerah Inovasi.
   - Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
3. Menguruskan Penerbitan
   - Buletin
   - Laporan Tahunan
4. Mengendalikan urusan protokol, sambutan majlis rasmi termasuk bertanggungjawab menyusun atur dan menyelaras lawatan daripada pihak luar ke Majlis.
5. Menyelaras sewaan
   - Dewan
   - Gelanggang
   - Padang

# PENGURUSAN ADUAN

### Jumlah Aduan diterima 2022

**369**

Setiap aduan akan diberi maklum balas penerimaan aduan dalam tempoh 1 hari bekerja dan pemakluman status tindakan diambil dalam tempoh 14 hari

### Sumber Penerimaan Aduan






## JUMLAH ADUAN YANG DISELESAIKAN 2022




## JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA 2022




## PECAHAN ADUAN MENGIKUT JABATAN / UNIT



MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Laporan

# TAHUNAN 2023

# UNIT UNDANG-UNDANG




# UNIT UNDANG-UNDANG

## FUNGSI UNIT

1. Memberi nasihat, pendapat dan pandangan perundangan kepada Majlis.
2. Menyediakan dan menyemak deraf Perjanjian atau Kontrak yang melibatkan Majlis Daerah Perak Tengah.
3. Bertanggungjawab dalam penyediaan undang-undang baharu dan pindang undang-undang kecil sedia ada.
4. Membuat tuntutan hutang, tuntutan sivil terhadap mana-mana individu/syarikat yang mempunyai tunggakan hutang dengan Majlis.
5. Menerima dan merekod rayuan kompaun.
6. Mendaftarkan kes dan menjalankan pendakwaan bagi kes atau kesalahan di bawah undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Daerah Perak Tengah.
7. Menyediakan laporan dan kertas kerja perundangan.

## AKTIVITI

| BIL | AKTIVITI | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Menggubal dan mewartakan Undang-Undang Kecil/ Perintah/Kaedah untuk digunapakai oleh Majlis. | 2 |
| 2. | Menyediakan draf perjanjian/ kontrak yang melibatkan Majlis. | 10 |
| 3. | Membuat semakan kertas siasatan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya | 30 |

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan TAHUNAN 2023

# UNIT PENGUATKUASA



# UNIT PENGUATKUASA

## PENGENALAN

**Unit Penguatkuasaan Majlis Daerah Perak Tengah ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang agar dapat dipatuhi oleh orang awam. Undang-undang yang digunapakai bagi tindakan penguatkuasaan adalah seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit, dan Bangunan. Undang-undang Kecil Majlis Daerah Perak Tengah dan perintah-perintah berkaitan.**

## OBJEKTIF

**Menguatkuasaan Undang-undang Kecil bagi kesejahteraan serta mendidik masyarakat.**

**Berusaha untuk mewujudkan suasana yang aman, tersusun, dan harmoni kepada semua penduduk di dalam kawasan Majlis**

## FUNGSI UNIT

1. Penyeliaan dan pengawasan haiwan merayau.
2. Penyeliaan dan penguatkuasaan Pasar Harian, Sehari, dan Malam.
3. Penyiasatan dan penguatkuasaan aduan awam dan kacauganggu.
4. Penyeliaan dan pengawalan kebersihan Awam (Semak Samun).
5. Pengawasan dan penguatkuasaan halangan tempat awam.
6. Mengambil tindakan susulan bagi kompaun tidak berbayar.
7. Memberi khidmat sokongan pelbagai jabatan MDPT berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang.



## PENCAPAIAN JABATAN TAHUN 2022

Senarai notis yang dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta dan Undang-undang Kecil MDPT:

| Bil. | Notis Mengikut Akta | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Seksyen 74, Akta 171 (Semak-Samun) | 38 |
| 2. | Seksyen 46 Akta 133 (Halangan) Akta 171 (Kacauganggu) | 22 |
| 3. | U.U.K Pelesenan Tred Perniagaaan dan Perindustrian MDPT 2017 | 78 |
| | **Jumlah** | **138** |

## JUMLAH NOTIS DAN KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN TAHUN 2022

| Bil. | Maklumat | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Notis | 138 |
| 2. | Kompaun | RM 6, 100.00 |





**SENARAI AKTIVITI/PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH PENGUATKUASA TAHUN 2022**

| Bil. | Aktiviti/Program Penguatkuasaan | Jadual Operasi |
|---|---|---|
| 1. | Operasi Kawalan Anjing Liar | (Hari Khamis) 2 Kali Setiap Bulan |
| 2. | Operasi Iklan Tanpa Kebenaran 2022 | (Hari Rabu) 2 Kali Setiap Bulan |
| 3. | Pemeriksaan Lesen Tred Perniagaan | Setiap Bulan |
| 4. | Operasi Pemeriksaan Lesen Penjaja | Setiap Bulan |
| 5. | Operasi Bersepadu Bersama Jabatan Alam Sekitar Dan PDRM | 13 April 2022 & 17 Desember 2022 |
| 6. | Operasi Halangan Tempat Awam (Tanpa Kelulusan) | 2 Kali Setiap Bulan |
| 7. | Operasi Siasatan Meletak Kerusi Meja Tanpa Permit Di Tempat Awam Outdoor Cafe (ODC) | 22 Desember 2022 |




# OPERASI KAWALAN ANJING TAHUN 2022








# OPERASI IKLAN TANPA KEBENARAN TAHUN 2022










## PEMERIKSAAN LESEN TRED PERNIAGAAN TAHUN 2022















# OPERASI PEMERIKSAAN LESEN PENJAJA TAHUN 2022
















# OPERASI BERSEPADU BERSAMA PDRM, KPDNHP, DAN JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022














# OPERASI HALANGAN AWAM (TANPA KELULUSAN) TAHUN 2022















## OPERASI SITAAN MELETAK MEJA DI TEMPAT AWAM TANPA PERMIT OUTDOOR CAFE (OSC)










MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

# Laporan
# TAHUNAN